

Khamis, 22 Ogos 2019 | 11:58am



Pengeluaran LPG MyGaz (tong gas kuning) di Sarawak dijangka pulih pada bulan depan. -  
NSTP/Melvin Joni

## Bekalan MyGaz dijangka pulih pada September

Oleh Melvin Joni  
bhnews@nstp.com.my

**KUCHING:** Pengeluaran silinder gas petroleum cecair (LPG) MyGaz (tong gas kuning) di Sarawak dijangka pulih pada bulan depan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Chong Chieng Jen, berkata menurut laporan syarikat MyGaz, bekalan dijangka kembali normal pada minggu pertama September.

"Syarikat (MyGaz) sedang berusaha menghasilkan pengeluaran tambahan bagi menangani krisis kekurangan bekalan yang berlaku sejak dua minggu lalu."

“Keutamaan pengeluaran bekalan akan diberikan kepada penjaja, pengendali gerai makanan dan peniaga yang bergantung kepada bekalan LPG,” katanya dalam kenyataan, di sini hari ini.

Chieng Jen berkata, beliau sudah bertemu dengan Pengarah MyGaz Sdn Bhd, Datuk Zayad Ismail, untuk membincangkan masalah kekurangan bekalan tong gas MyGaz di negeri ini.

“Syarikat terbabit sudah memberi jaminan melakukan apa jua cara bagi menyelesaikan krisis itu secepat mungkin,” katanya.

Beliau berkata, pihak kementerian sudah meminta PETRONAS meningkatkan bekalan silinder LPG (tong gas hijau) agar pengguna yang ingin beralih dari MyGaz kepada LPG, memperoleh bekalan mencukupi.

